

Bab V

5.0 Rumusan dan Kesimpulan

5.1 Pengenalan

Di dalam bab ini pengkaji akan membuat rumusan tentang tujuan kajian, analisis kajian dan cadangan untuk kajian lanjutan.

5.2 Tujuan kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk memberi gambaran masalah disiplin pelajar di sebuah sekolah swasta, dan hubungan dengan pencapaian akademik. Soalan-soalan kajian adalah seperti berikut :-

- a). Apakah jenis masalah disiplin yang terdapat di kalangan pelajar golongan kelas pertengahan atas?
- b). Siapakah bermasalah disiplin?
- c) Adakah hubungan antara tahap disiplin pelajar dengan pencapaian akademik?
- d). Adakah kaitan antara tahap disiplin pelajar dengan pencapaian akademik?

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti jenis masalah disiplin yang terdapat di sekolah swasta, mengenal atau mengelaskan pelajar bermasalah disiplin mengikut tahap disiplin, mengenalpasti hubungan masalah disiplin dengan jantina dan akhir sekali mengkaji hubungan antara masalah disiplin dan pencapaian akademik.

5.3 Dapatan dan Perbincangan

Dapatan kajian ini disampaikan mengikut soalan kajian.

5.3.1 Apakah Jenis Masalah Disiplin Yang Terdapat di Kalangan Pelajar?

Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat tiga kategori masalah disiplin yang dilakukan oleh pelajar Tingkatan Empat di sekolah swasta ini iaitu masalah disiplin biasa atau ringan, sederhana dan berat.

- i. Masalah disiplin biasa atau ringan seperti menjerit, bercakap, mengganggu kawan, berkeliaran dalam kelas, datang lambat, tidak lengkapkan kerja dan tidak bawa buku teks.
- ii. Masalah disiplin sederhana adalah seperti menipu, ponteng kelas atau ponteng sekolah, tidur dalam kelas, mencuri dan berpakaian kurang sopan.

- iii. Masalah disiplin kategori berat pula adalah seperti melakukan perbuatan ganas atau vandalisme, bergaduh, bersikap kurang ajar, membawa bahan letupan (mercun) dan membuli orang.

Semua jenis masalah disiplin yang terdapat di sekolah swasta ini adalah hampir-hampir sama seperti yang terdapat dalam jadual kategori Kesalahan dan Hukuman yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan. Ini menunjukkan jenis masalah disiplin di sekolah swasta ini adalah hampir sama dengan jenis masalah disiplin yang berlaku di sekolah kerajaan.

5.3.2 Siapakah Pelajar Bermasalah Disiplin?

Untuk mengkelaskan pelajar kepada tahap-tahap disiplin tertentu, pengelasan guru da guru disiplin telah dirujuk. Dapatan kajiannya adalah seperti berikut:

- i. Lebih daripada 60% pelajar tidak bermasalah disiplin.
- ii. Sebanyak 26.3% pelajar jarang bermasalah disiplin.
- iii. Sebanyak 12.5% pelajar selalu atau sentiasa bermasalah disiplin.

Kemungkinan besar sekolah-sekolah swasta memilih pelajar secara selektif untuk mengikuti pelajaran di sekolah masing-masing. Maka pelajar bermasalah disiplin telah dikurangkan secara langsung. Oleh itu dapatan

kajian menunjukkan pelajar selalu atau sentiasa bermasalah disiplin hanyalah 12.5% ataupun 10 orang sahaja di keseluruhan Tingkatan Empat di sekolah ini. Keseluruhan populasi pelajar sekolah ini adalah kecil dan ia telah mempengaruhi bilangan dan peratusan masalah disiplin

5.3.3 Apakah Hubungan Masalah Disiplin dengan Jantina?

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar perempuan berkelakuan lebih berdisiplin berbanding pelajar lelaki. Dapatan kajian ini menyokong oleh dapatan kajian L. Derville (1978), Collins dan Thomas (1972), Mc Govern (1967), dalam kajian mereka. Peratusan pelajar perempuan tergolongan dalam pelajar tidak bermasalah disiplin adalah 82.1%, manakala pelajar lelaki hanyalah merupakan 50% sahaja. Peratusan pelajar perempuan selalu atau sentiasa bermasalah disiplin pula hanya 3.6%, sahaja berbanding dengan pelajar lelaki iaitu sebanyak 17.3%. Hampir lima kali ganda peratusan pelajar lelaki terlibat dalam kategori selalu atau sentiasa bermasalah disiplin berbanding pelajar perempuan. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan signifikan antara masalah disiplin dengan jantina.

5.3.4 Apakah Hubungan Antara Masalah Disiplin Pelajar dengan Pencapaian Akademik?

Dapatan kajian ini menyokong pendapat L. Derville (1998), dan Peng

dan Samuel (1993), iaitu pelajar yang mempunyai disiplin yan positif memperoleh pencapaian akademik yang lebih baik. Manakala pelajar yang mempunyai disiplin yang negatif adalah sebaliknya. Sebanyak 10.0% pelajar tidak bermasalah mendapat pencapaian akademik tinggi. Manakala tiada seorang pun daripada pelajar yang selalu atau sentiasa bermasalah mendapat pencapaian akademik yang tinggi. Rata-rata peratusan pelajar yang kurang bermasalah disiplin tergolong dalam pencapaian akademik yang sederhana. Didapati ada hubungan antara tahap disiplin dan pencapaian akademik tetapi pertalian signifikannya adalah rendah.

5.4 Implikasi dan Cadangan Untuk Kajian Lanjutan.

Walaupun terdapat kemerosotan tahap disiplin pelajar pada peringkat negara, tahap disiplin pelajar sekolah swasta tidak sebegitu serius. Ianya masih dalam keadaan terkawal. Ini dapat di lihat daripada jenis masalah disiplin yang terdapat di sekolah swasta adalah agak berbeza daripada sekolah kerajaan. Pada masa yang sama bilangan kes-kes disiplin yang berlaku di sekolah swasta juga adalah lebih kecil berbanding bilangan kes di sekolah kerajaan. Ini mungkin disebabkan oleh bilangan pelajar yang belajar di sekolah swasta adalah jauh lebih kecil daripada sekolah kerajaan.

Oleh kerana kajian ini telah dijalankan dalam jangka waktu yang pendek, maka bilangan sampel yang telah diambil untuk kajian adalah

sedikit. Selain sebab tersebut sekolah yang diambil untuk kajian hanya mempunyai jumlah pelajar Tingkatan Empat sebanyak 80 orang sahaja. Sekiranya bilangan sampel yang lebih besar telah digunakan untuk kajian kemungkinan besar signifikan kajian akan menjadi lebih tinggi dan tepat.

Kajian hubungan disiplin dengan pencapaian akademik ini dijalankan di sebuah sekolah swasta sahaja. Oleh itu kemungkinan besar dapatan yang berbeza atau lebih signifikan akan diperolehi bagi kajian yang lebih besar yang melibatkan lebih banyak sekolah swasta. Bagi dapatan kajian yang lebih tepat dan jitu yang boleh diterima oleh sekolah-sekolah swasta lain, kajian yang melibatkan semua sekolah swasta dan sampel yang lebih besar perlu dilakukan.

Kajian ini meninjau masalah dari perspektif guru dan pentadbiran sahaja. Adalah penting untuk meninjau masalah disiplin dari perspektif pelajar. Oleh itu dapatan kajian mungkin dipengaruhi oleh pandangan guru sahaja. Sekiranya satu soal selidik atau senarai semakan telah diberikan kepada pelajar maka kejituhan maklumat dapat dikukuhkan lagi tanpa bias.

Satu kajian yang lengkap bagi melihat hubungan antara disiplin dengan pencapaian akademik memerlukan pengenalisaan faktor-faktor yang mempengaruhi masalah disiplin pelajar. Oleh itu kajian lanjutan tentang hubungan dan pencapaian akademik golongan kelas pertengahan atas di

sekolah swasta perlu dilakukan dengan masukan faktor-faktor yang mempengaruhi masalah disiplin.

Hubungan signifikan yang nyata tidak begitu jelas atau nyata bagi kaitan masalah disiplin dengan pencapaian akademik dalam kajian ini. Saiz sampel adalah kecil. Oleh itu masalah disiplin adalah rendah di sekolah swasta. Hasil dapatan kajian begini mungkin kerana disebabkan oleh sikap pelajar dan pandangan ibu bapa bahawa peperiksaan adalah penting untuk lulus. Oleh itu pelajar lebih memberi tumpuan kepada pelajaran apabila menjelang peperiksaan atau ujian. Ataupun mungkin disebabkan oleh cara sekolah ini mengkategorikan masalah disiplin dan cara merekod kesalahan yang dilakukan adalah berlainan.

Satu lagi faktor yang menunjukkan tiada hubungan signifikan yang tinggi dalam kajian ini adalah disebabkan seseorang pelajar tersebut bermasalah di sekolah disebabkan faktor-faktor seperti tidak suka keadaan sekolah atau guru yang mengajar sesuatu matapelajaran, akan tetapi mereka lebih memberi tumpuan dalam akademik di luar bilik darjah atau sekolah dengan menghadiri kelas-kelas tuition atau kelas-kelas tambahan. Ini secara tak langsung mempengaruhi keputusan pencapaian akademik pelajar di sekolah. Oleh itu faktor ini juga perlu diambil perhatian bagi tujuan kajian lanjutan.

sekolah swasta perlu dilakukan dengan masukan faktor-faktor yang mempengaruhi masalah disiplin.

Hubungan signifikan yang nyata tidak begitu jelas atau nyata bagi kaitan masalah disiplin dengan pencapaian akademik dalam kajian ini. Saiz sampel adalah kecil. Oleh itu masalah disiplin adalah rendah di sekolah swasta. Hasil dapatan kajian begini mungkin kerana disebabkan oleh sikap pelajar dan pandangan ibu bapa bahawa peperiksaan adalah penting untuk lulus. Oleh itu pelajar lebih memberi tumpuan kepada pelajaran apabila menjelang peperiksaan atau ujian. Ataupun mungkin disebabkan oleh cara sekolah ini mengkategorikan masalah disiplin dan cara merekod kesalahan yang dilakukan adalah berlainan.

Satu lagi faktor yang menunjukkan tiada hubungan signifikan yang tinggi dalam kajian ini adalah disebabkan seseorang pelajar tersebut bermasalah di sekolah disebabkan faktor-faktor seperti tidak suka keadaan sekolah atau guru yang mengajar sesuatu matapelajaran, akan tetapi mereka lebih memberi tumpuan dalam akademik di luar bilik darjah atau sekolah dengan menghadiri kelas-kelas tuition atau kelas-kelas tambahan. Ini secara tak langsung mempengaruhi keputusan pencapaian akademik pelajar di sekolah. Oleh itu faktor ini juga perlu diambil perhatian bagi tujuan kajian lanjutan.

5.5 Kesimpulan

Sebagai kesimpulan untuk meningkatkan keputusan pencapaian akademik di kalangan pelajar golongan kelas pertengahan atas di sekolah swasta, masalah disiplin pelajar tersebut perlu ditangani dahulu. Dengan menangani masalah disiplin tumpuan pelajar dapat dikembalikan kepada pendidikan dan seterusnya keputusan pencapaian akademik pelajar dapat ditingkatkan.